

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 JULAI 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Sasar hasil graphine RM9 bilion	Utusan Malaysia
2	Graphene wujud peluang kerja	Berita Harian
3	RM9bil target for 'wonder molecule'	The Sun
4	Pelan tindakan graphene bakal wujudkan 9,000 peluang kerja, potensi hasil RM9 Bilion menjelang 2020	Bernama.com
5	Anggota polis naik pangkat wajib ujian MIT	Berita Harian
6	Would-be cops must sit for profile test first	The Star

Sasar hasil graphine

RM9 billion

Oleh SHARAIMEI
SHAIK AHMEDULLAH
ekonomi@utusan.com.my

PUTRAJAYA 3 Julai - Kerajaan menyasarkan untuk menjana pendapatan sebanyak RM9 bilion dan mewujudkan 9,000 peluang pekerjaan baru hasil daripada penggunaan produk nano karbon 'graphene' menjelang tahun 2020, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala.

Beliau berkata, kerajaan menerusi beberapa pemegang amanah seperti NanoMalaysia Bhd. (NanoMalaysia), Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi (Pemandu) akan memfokuskan kepada bahan tersebut selepas dikenal pasti sebagai bahan yang dapat menawarkan prestasi terbaik dalam pelbagai aspek.

Menurut beliau, bahan tersebut yang diiktiraf sebagai terbaik di abad ini merupakan sebatian terkuat, paling nipis dan kristal anjal serta dapat membawa arus elektrik lebih baik daripada bahan sedia ada.

Menerusi Pelan Tindakan Kebangsaan Graphene ujarnya, kerajaan menggariskan lima bidang yang diberi tumpuan awal iaitu anod bateri lithium ion dan ultracapacitors, aplikasi bahan tambah getah, nanofluids (penggerudian cecair dan pelincir), dakwat konduktif cas dan bahan tambah plastik.

"Sehubungan itu, NanoMalaysia telah diberi mandat sebagai agensi peneraju dalam melaksanakan pelan tindakan ini dan akan menubuhkan sebuah unit pelaksanaan graphene bagi memacu pelaksanaan strategi ini dan memastikan



IDRIS Jala (kanan) sambil disaksikan Mustapa Mohamed (dua dari kiri) dan Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kanan) menandatangani plak perasmian Pelan Tindakan Kebangsaan Graphene di Putrajaya, semalam.

kemajuan projek serta sasarannya berjaya dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Pelan Tindakan Kebangsaan Graphene di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Pegawai Eksekutif AIM, Mark Rozario dan Ketua Pegawai Eksekutif NanoMalaysia, Dr. Rezal Khairi Ahmad.

Berikut itu, Idris meminta pihak kerajaan, swasta dan institusi pengajian tinggi tempatan agar bekerjasama bagi menghasilkan produk berkualiti menerusi penggunaan bahan graphene.

Dalam pada itu, Rezal Khairi berkata, Malaysia mempunyai

kelebihan dalam menghasilkan bahan tersebut kerana mempunyai banyak bahan mentah seperti terdapat dalam industri getah serta minyak dan gas yang dapat menghasilkan nano karbon seperti graphene.

"Dalam menghasilkan bahan graphene ini bukan Malaysia sahaja yang terlibat tetapi melibatkan negara lain juga, cuma kelebihan yang ada pada negara kita ialah memiliki bahan mentah seperti getah yang mampu menyokong usaha ini.

"Pada masa sama, kita juga memerlukan sejumlah kapakanan tempatan dalam bidang ini yang dapat bekerjasama dengan pakar antarabangsa supaya kita bukan sekadar berjaya di pasaran tempatan sahaja malah, mampu menerokai pasaran antarabangsa," katanya.

Graphene wujud peluang kerja

» Malaysia mampu raih RM9b bidang teknologi menjelang 2010

Oleh Ahmad Fiesal Othman
fsal@bh.com.my

Malaysia berpotensi meraih pendapatan berjumlah RM9 bilion dan mewujudkan 9,000 peluang pekerjaan baharu dalam bidang teknologi menjelang 2020 menerusi Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 yang dilancarkan semalam.

Pelan yang dibangunkan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM), NanoMalaysia Bhd dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) itu dirangka berdasarkan kajian yang mendalam mengenai potensi ekonomi Malaysia melalui pembangunan graphene dan langkah yang perlu diambil untuk mendapatkan nilainya.

Daya maju teknologi

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, berkata lima bidang aplikasi yang diberi tumpuan awal itu ialah anod bateri lithium-ion dan ultracapacitors; aplikasi bahan tambah getah; nano-fluids (penggerudian cecair dan pelincir); dakwat konduktif cas dan bahan tambah plastik.

Idris menjelaskan, lima bidang itu dikenal pasti sele-



Dari kiri, Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif AIM, Mark Rozario, Abu Bakar, Idris, Mustapa dan Pengarah NKEA (Palm & Rubber) Ku Kok Peng pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 di Putrajaya, semalam. [FOTO ROSELA

pas mengambil kira beberapa faktor termasuk daya maju teknologi pada tahun 2020, jumlah saiz peluang pasaran global dan sama ada ia relevan kepada Malaysia.

Pelan itu, jelas Idris, dibangun berdasarkan analisis yang mendalam dan menyeluruh berhubung prestasi ekonomi Malaysia melalui aplikasi berdasarkan inovasi terkini menggunakan Graphene serta langkah yang diperlukan bagi menguasai potensi berkenaan.

Beliau berkata, Graphene adalah sebatian terkuat, paling nipis dan kristal yang anjal yang mana ia yang mempunyai pelbagai ciri menggumarkan seperti dapat mengalirkkan arus elektrik lebih baik dan konduktor haba yang terbaik,

sekali gus menjadikannya satu bahan yang mempunyai potensi sangat luas untuk diterokai dan dieksplotasi dalam pelbagai aplikasi.

Punya strategi khusus

"Antara faktor penting dikenal pasti untuk memaksimumkan potensi daripada Graphene Malaysia termasuklah mempunyai strategi khusus, mengamalkan portfolio terhadap inovasi di mana Malaysia mempunyai kekuatan dan bertindak pantas bagi memastikan industri di Malaysia mendaului negara lain untuk kekal berdaya saing di peringkat global," katanya pada majlis pelancaran pelan berkenaan di Putrajaya, semalam.

Pelancaran itu turut disaksikan oleh Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

NanoMalaysia Bhd dilantik sebagai agensi peneraju untuk melaksanakan pelan itu manakala satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan Idris dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Perdagangan dan Industri serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi akan ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan tersebut.

Jawatankuasa ini yang disokong oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi (UPE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) dan Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan (NND), katanya.

> National action plan to boost use of graphene by firms in 5 focus areas

BY PREMALATHA JAYARAMAN
sunbiz@thesundaily.com

PUTRAJAYA: Malaysia plans to grow the adoption of graphene, a wonder molecule, among companies in five main focus areas, through the National Graphene Action Plan 2020 in a move to make it a RM9 billion industry.

Graphene, which is extracted from graphite, the material used in pencils, is almost perfectly transparent and conducts electricity better than copper. It is 200 times stronger than steel but six times lighter.

Jointly developed by Performance Management and Delivery Unit's (Pemandu), Agensi Inovasi Malaysia (AIM) and NanoMalaysia Bhd, the plan looks to encourage innovation in graphene and to increase the adoption of the carbon in the determined focus areas based on technological feasibility by 2020 and global market opportunity.

The five focus areas identified are lithium-ion, battery anodes and ultracapacitors, rubber additives, nanofluids (drilling fluids and lubricants), conductive inks and plastic additives.

"For Malaysia to maximise graphene's potential, key success factors identified

RM9bil target for 'wonder molecule'



Idris (fourth from left) with (from left) NanoMalaysia CEO Dr Rezal Khairi Ahmad, Agensi Inovasi Malaysia CEO Mark Rozario, Deputy Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Abu Bakar Mohamad Diah, Mustapa, and NKEA Palm Oil & Rubber and ETP Investment and Innovation director Ku Kok Peng at the launch of the National Graphene Action Plan 2020.

Datuk Seri Idris Jala said at the launch yesterday.

NanoMalaysia will be the lead agency for the programme, which will have a Special Graphene Taskforce to drive the execution of its strategies and to make sure that progress is made and key performance indicators and targets are achieved.

Meanwhile, International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed, who was there to witness the event, said the country is on track to achieve total trade growth forecast of between 5% and 6% in 2014, following a better than expected performance in the first half of the year.

"The numbers were good for the first five months and we expect the first half to be good as well. It is beyond expectations," he told

reporters. Trade performance for the first half of 2014 will be released today.

"We continue to enjoy good trade surplus and based on the industrial production index, we are on track to achieve our full-year forecast," Mustapa added.

He also said that there were no signs of slowdown in trade performance in the second half, despite there having been expectations of it.

Malaysia's exports for the full year of 2013 grew by 2.4% or RM17.17 billion to RM719.81 billion, with strong uptake by Asean especially to Indonesia, Singapore, Thailand, Vietnam, Brunei, Myanmar and Laos.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 04 JULAI 2014 (JUMAAT)



Pelan Tindakan Graphene Bakal Wujudkan 9,000 Peluang Kerja, Potensi Hasil RM9 Bilion Menjelang 2020

PUTRAJAYA, 3 Julai (Bernama) -- Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 (PTGK2020) yang dilancarkan hari ini, dijangka dapat menjana hasil sebanyak RM9 bilion dan mewujudkan 9,000 peluang pekerjaan menjelang 2020.

Pelan yang dibangunkan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM), **NanoMalaysia Berhad** dan Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (Pemandu) itu dibuat berdasarkan kajian yang mendalam mengenai potensi ekonomi Malaysia melalui pembangunan graphene dan langkah yang perlu diambil untuk mendapatkan nilainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Idris Jala berkata pelan itu memberi tumpuan kepada lima bidang iaitu bateri anod litium-ion, kapasitor-ultra, getah aditif, bendalir penggerudian-nano, pelincir, dakwat konduktif dan bahan tambahan plastik.

Beliau berkata Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam bidang berkenaan dan berharap sektor swasta akan turut serta dalam rancangan ini.

"Jika kita meneruskan dan terus berusaha, saya percaya kita akan mencapai objektif," katanya pada pelancaran pelan itu hari ini.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**.

Graphene bahan-nano berdasarkan karbon, yang dikatakan sebagai bahan hebat abad ini, menawarkan prestasi terbaik dalam setiap aspek seperti paling kuat, nipis dan kristal yang boleh diubah suai, mampu mengalirkan arus elektrik dengan lebih berkesan dari mana-mana bahan yang diketahui dan konduktor haba yang terbaik.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AIM Mark Rozario berkata pelan tindakan juga memberi takrifan ke atas peranan yang harus dimainkan oleh kerajaan untuk menguasai nilai ini bagi kebaikan negara.

Katanya, pelan itu meliputi semua peringkat spektrum inovasi daripada pembangunan idea, ujian dan prototaip usaha-usaha baru kepada pengkomersilan teknologi itu.

"Kami akan membantu syarikat-syarikat mencapai potensi mereka sepenuhnya dengan apa yang mereka sudah ada dan kuasai," katanya.

Rozario berkata NanoMalaysia Berhad telah dilantik sebagai agensi peneraju untuk melaksanakan pelan itu manakala satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan Idris dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Perdagangan dan industri serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi akan ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pelan tersebut.

Jawatankuasa ini yang disokong oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi (UPE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) dan **Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan (NND)**, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
TARIKH: 04 JULAI 2014 (JUMAAT)

Anggota polis naik pangkat wajib ujian MIT

Kuala Lumpur: Pegawai dan anggota polis yang ditawarkan kenaikan pangkat mungkin diwajibkan menduduki Ujian Integriti Malaysia (MIT).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata PDRM dengan kerjasama Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) sedang mengkaji keperluan mewajibkan menduduki ujian itu.

Katanya, idea itu timbul berikutan PDRM kini dalam proses mengukuhkan integriti dalam pasukan supaya le-

bih disenangi dan mudah didekati oleh masyarakat.

"Bermula Julai ini, kira-kira 1,900 kadet polis yang baharu direkrut akan menduduki ujian MIT sebelum ditempatkan di jabatan penting dalam PDRM.

"Perkara ini mungkin akan dilaksanakan kepada pegawai dan anggota yang ditawarkan kenaikan pangkat, namun kita masih lagi mengkaji," katanya dalam sidang media di Majlis Penyampaian Sijil Penyelia MIT di sini, semalam.

Tingkat profesionalisme

Khalid berkata, ujian MIT dapat meningkatkan tahap profesionalisme PDRM dan seterusnya menjadikan pasukan itu lebih dihormati.

"Ujian ini juga boleh dijadikan kayu pengukur nilai kerja, pandangan positif, sosial dan tingkah laku langsung seorang penguat kuasa," katanya.

Dalam majlis itu, Khalid berkata, sembilan pegawai PDRM dari Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) lulus

ujian Program Pensijilan Penyelia yang dijalankan oleh MIMOS selama dua hari.

"Pensijilan ini membolehkan mereka menjadi penyelia dalam ujian MIT yang akan dijalankan terhadap kadet baharu PDRM mahupun pegawai dan anggota yang perlu melaluinya. Dari semasa ke semasa PDRM akan menghantar pegawai untuk menjalani ujian penyelia ini supaya dapat menambah bilangan keanggotaan, sekali gus mengendalikan ujian ini kelak," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 04 JULAI 2014 (JUMAAT)

Would-be cops must sit for profile test first

By AUSTIN CAMOENS

austin@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: New recruits will have to sit for a profile test beginning this month before they are accepted into the force, said the Inspector-General of Police.

The latest batch of 1,900 recruits, said Tan Sri Khalid Abu Bakar, would be subjected to the Malaysian Integrity Test (MIT) developed by the **Malaysian Institute of Micro-electric System (Mimos)**.

"The test is meant to calculate a recruit's inclination on integrity via an algorithm. Through this test, we will know if the person has high, moderate or low integrity," he told reporters at Bukit Aman here yesterday.

Mimos, he said, had trained nine MIT proctors from the Bukit Aman Counselling and Religious Department to carry out these tests.

"We will increase the number of proctors in the future," he said.

Police, said Khalid, were also in the midst of discussions with Mimos on the possibility of carrying out the same test on their existing personnel.

"We are studying how we can implement the test for our personnel who are set to be promoted.

"This way, we can profile our ser-

ving personnel to find out if they have any tendency towards graft," he said.

Mimos' subsidiary Frontier Novatur vice-president Faisal Ahmad said for phase one, the test would be a paper-based psychometric examination.

He said the key element of the test was to evaluate the integrity of personnel.

"We can assess their inclination based on algorithm calculations once the recruits complete the questions," he said.

Phase two will involve a more computer-based evaluation, to be developed and introduced later.

He said most psychometric tests had been developed for European and Western markets.

"This why we went to the drawing board and created one that is more appropriate for Asians, particularly Malaysians," he said.